

18/07/2001

Perisytiharan harta

PENGISYTIHARAN harta oleh anggota pentadbiran kerajaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak dimaklumkan kepada Parlimen kerana tidak ada peraturan yang memerlukan dimaklumkan kepada Parlimen.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Noh Omar, berkata anggota pentadbiran dikehendaki mengisytiharkan harta mereka seperti yang ditetapkan melalui surat pekeliling oleh Perdana Menteri bertarikh 29 Ogos 1981.

Beliau berkata, anggota pentadbiran perlu mengisytiharkan harta mereka setiap dua tahun sekali.

(END)